

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : ECRL**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Apakah perkembangan terkini projek ECRL di Negeri Selangor?
  - b) Berapa kali Kerajaan Pusat telah berunding dengan Kerajaan Negeri sejak 9 Mei 2018 tentang projek ini?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Pada masa ini, tiada rundingan diadakan di antara kedua-dua pihak kerajaan kerana projek tersebut masih ditangguhkan untuk semakan dan kajian semula pelaksanaannya oleh Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di peringkat Kerajaan Negeri Selangor, tiada sebarang kelulusan dimuktamadkan bagi pelaksanaan projek ECRL yang melibatkan sebahagian kawasan di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sekiranya projek ini diputuskan untuk diteruskan pelaksanaannya oleh Kerajaan Persekutuan, pihak MRL perlu mematuhi syarat-syarat dan keperluan yang ditetapkan dengan mengambilkira beberapa perkara di antaranya:

- (1) Kerajaan Negeri meminta supaya jajaran laluan ECRL dibina sejajar dengan Lebuhraya Karak sediaada secara *elevated* di bahagian yang terlibat dengan Permatang Kuartza;
- (2) Perlu membuat penyelesaian berhubung penempatan orang asli di Gombak;
- (3) Kawasan hutan simpan dan kawasan rezab melayu terutamanya berhampiran ITT perlu diberi perhatian dengan menyediakan pelan/langkah tindakan seperti *land swapping*;
- (4) Menangani dan menyelesaikan isu-isu berkaitan aduan penduduk kampung yang terlibat dari masa ke semasa; dan

Pihak MRL perlu mendapatkan kelulusan dasar daripada Kerajaan Negeri Selangor dan seterusnya mengemukakan permohonan rundingan projek kerajaan dibawah seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perjanjian yang dimeterai pada 3 Ogos 2018 melibatkan pembayaran balik hutang Air Selangor kepada SPLASH bernilai RM4 billion. Bagaimanakah pembayaran berstruktur ini dijalankan?
- b) Apakah jadual waktu pembayaran serta adakah kedudukan kewangan semasa Air Selangor membenarkan bayaran dibuat tepat pada waktunya?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Pertanyaan berkenaan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Negeri Selangor khususnya berkaitan dengan status pengambilalihan SPLASH, penentuan nilai pengambilalihan SPLASH, keupayaan bayaran balik kepada SPLASH, kesan pengambilalihan SPLASH terhadap kadar tarif dan program pemberian air percuma telah dibangkitkan dalam soalan-soalan No. 2 (Y.B Banting), No. 56 (Y.B. Bukit Gasing), No. 143 (Y.B. Sg Burong), No. 173 (Y.B Sijangkang), No. 174 (Y.B. Sementa) dan No. 177 (Y.B. Rawang). Oleh sebab Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi menyentuh perkara-perkara yang sama, saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali soalan-soalan No. 2, No. 56, No. 143, No. 173, No. 174 dan No.177.

Y.B. Bukit Gasing, Y.B. Rawang, Y.B Sementa, Y.B. Sungai Burong telah menanyakan berkenaan status pengambilalihan SPLASH dalam memuktamadkan rangka penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada 03 Ogos 2018, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd (Air Selangor) telah pun mengemukakan surat tawaran pengambilalihan kepada wakil Pemegang Saham SPLASH yang terdiri dari Gamuda Berhad ("Gamuda") (40%), The Sweet Water Alliance ("TSWA") (30%) dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPS") (30%).

Tawaran pengambilalihan tersebut telah diterima dan dipersetujui oleh Pemegang Saham SPLASH dan pada ketika ini, Air Selangor dan SPLASH Holdings sedang merundingkan terma-terma dan syarat-syarat bagi Perjanjian Jual Beli Saham yang dijangka akan dimuktamadkan pada 14 September 2018.

Y.B. Bukit Gasing, Y.B. Banting, Y.B. Sungai Burong dan Y.B. Sijangking ingin tahu berkenaan nilai pengambilalihan yang ditawarkan kepada SPLASH, kaedah pembayaran kepada SPLASH dan keupayaan Air Selangor dalam membuat pembayaran mengikut jadual yang telah dipersetujui. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 01 Ogos 2018 telah menimbang dan meluluskan penyelesaian pelaksanaan pengambilalihan SPLASH berdasarkan kepada rundingan dan persetujuan yang telah dicapai bersama antara Kerajaan Negeri Selangor, Air Selangor dan Pemegang Saham SPLASH berdasarkan terma-terma berikut:-

- a) Nilai pengambilalihan SPLASH yang telah dipersetujui adalah berjumlah RM2.55 bilion (“Pertimbangan”), iaitu bersamaan dengan diskaun sebanyak 28% berdasarkan NBV SPLASH pada 30 Jun 2018 iaitu sebanyak RM3.54 bilion;
- b) Bon SPLASH bernilai sebanyak RM1.13 bilion yang dipegang oleh ACQUA dan aset-aset air yang berkaitan akan dipindahkan kepada PAAB dan distrukturkan semula sebagai bayaran pajakan. Air Selangor akan membayar sewa pajakan ke atas penggunaan aset-aset air tersebut;
- c) Hutang tertunggak kepada subkontraktor SPLASH iaitu Sg Harmoni dan Gamuda Water yang berjumlah kira-kira RM1.37 bilion pada 30 Jun 2018 akan diselesaikan oleh Air Selangor (selepas diskaun sebanyak 10% ditolak daripada jumlah hutang tertunggak) secara ansuran sama rata sepanjang 9 tahun dengan faedah sebanyak 5.25% setahun dikenakan bagi jumlah yang tertunggak;
- d) Sg Harmoni dan Gamuda Water akan menamatkan perjanjian-perjanjian pengurusan dan penyelenggaraan (O&M, *Operations & Maintenance*) yang sedia ada dengan SPLASH. Air Selangor akan melantik Sg Harmoni (SSP1) dan Gamuda Water (SSP3 Badong dan Rasa) sebagai operator O&M. Tempoh lantikan O&M operator telah dirundingkan dan bayaran kadar *Bulk Supply Rate* (“BSR”) juga telah dikurangkan dari kadar asal kepada kadar yang lebih munasabah dan berpatutan. Oleh demikian, tempoh lantikan Sg

Harmoni telah dipersetujui untuk dilanjutkan selama 7 tahun lagi berbanding tempoh asal yang bakal berakhir tahun 2030. Manakala, tempoh pelantikan GWSB dipersetujui selama 9 tahun, iaitu bersamaan dengan tempoh bayaran baki pertimbangan seperti yang telah dinyatakan di bawah para ( c) di atas; dan

- e) Pindaan kepada Perjanjian-Perjanjian Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya ('Perjanjian') oleh pihak-pihak kepada Perjanjian dengan mengambil kira perkara berikut: -
  - (i) Pembiayaan tambahan Kerajaan Persekutuan melalui PAAB bagi pengambilalihan SPLASH; dan
  - (ii) Persetujuan terkini pihak-pihak kepada Perjanjian terhadap obligasi di bawah Perjanjian Utama dan seperti penamatan Perjanjian Konsesi Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ('SYABAS').

Y.B. Banting, Y.B. Rawang, Y.B. Sungai Burong dan Y.B Sijangkang ingin tahu bagaimana nilai pengambilalihan SPLASH ditentukan dan adakah Air Selangor berupaya untuk membayar ansuran mengikut jadual. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam menentukan nilai yang munasabah untuk pengambilalihan SPLASH, Kerajaan Negeri Selangor pada 13 Julai 2015 telah melantik RHB Investment Bank Berhad ('RHB') untuk membuat penilaian terhadap SPLASH. RHB telah menilaikan SPLASH di antara RM2.488 bilion berdasarkan kaedah mengambil Nilai Buku SPLASH pada 31 Mac 2015 ("1x BV") dan RM3.204 bilion berdasarkan kaedah mengambil menilai pendapatan masa depan yang didiskaun ("*Discounted Cash Flow, DCF*").

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui surat bertarikh 17 Oktober 2016 telah memaklumkan Kerajaan Negeri bahawa Jemaah Menteri pada 5 Oktober 2016 berpandangan bahawa pihak penilai bebas antarabangsa perlu dilantik bagi menilai dan mencadangkan nilai pengambilalihan SPLASH yang adil. Melalui surat bertarikh 05 Julai 2018, pihak KeTTHA telah memaklumkan hasil dapatan yang dibuat oleh pihak penilai bebas dan mengesahkan bahawa nilai pengambilalihan SPLASH berjumlah RM 2.7 bilion adalah merupakan nilai yang adil.

Di dalam perbincangan pada 19 Julai 2018, nilai pengambilalihan yang dicadangkan oleh SPLASH Holdings adalah sebanyak RM3.05 bilion berdasarkan

kepada Nilai Buku Bersih (*Net Book Value*) SPLASH yang telah meningkat kepada RM3.54 bilion setakat 30 Jun 2018. Setelah rundingan lebih lanjut di adakan, pihak Gamuda dan TSWA pemegang-pemegang saham utama SPLASH Holdings, pada 27 Julai 2018 telah bersetuju secara prinsipnya dengan pengambilalihan SPLASH oleh Air Selangor dengan nilai pengambilalihan berjumlah RM2.55 bilion (“Pertimbangan”), iaitu bersamaan dengan diskaun sebanyak 28% berdasarkan NBV SPLASH pada 30 Jun 2018. Mengenai kaedah pembayaran kepada SPLASH, ia akan dilaksanakan seperti berikut:-

- (i) Bayaran pendahuluan sebanyak RM1.9 billion (setelah memenuhi Syarat-Syarat Terdahulu (*Conditions Precedent*)), menggunakan pembiayaan Kerajaan Persekutuan melalui PAAB; dan
- (ii) Pembiayaan baki sebanyak RM0.65 billion dibuat secara ansuran sama rata (“*equal installment*”) sepanjang sembilan (9) tahun dengan bayaran kira-kira RM72.22 juta setahun oleh Air Selangor.

Y.B. Banting dan Y.B. Sijangkang mengambil berat berkenaan kesan pengambilalihan SPLASH terhadap tarif dan program pemberian air percuma 20-meter padu. Matlamat pengambilalihan semula industri perkhidmatan bekalan air adalah untuk mengambil alih operasi rawatan dan pengagihan bekalan air daripada syarikat-syarikat pemegang konsesi air sedia ada dan menguruskan secara holistik.

Kerajaan Negeri Selangor akur bahawa dalam melaksanakan penstrukturan semula ini, Air Selangor perlu menampung kos pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air pada nilai mencecah sebanyak RM3.0 bilion. Selain dari menanggung kos pengambilalihan semula, Air Selangor juga perlu mempunyai unjuran kewangan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan CAPEX dan OPEX.

Mengikut unjuran kewangan di dalam model kewangan yang disediakan, Air Selangor dijangka akan mencatatkan unjuran aliran tunai negatif sekiranya tiada pelarasan tarif dibuat dalam waktu terdekat ini. Keadaan ini akan menyebabkan Air Selangor memerlukan bantuan subsidi sekurang-kurangnya RM766 juta atau subsidi purata sebanyak RM255 juta setahun daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk membiayai kos operasi dan sewa pajakan bagi menjamin perkhidmatan bekalan air kepada kesemua pengguna di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak terganggu dan dapat diteruskan. Dengan mengambil kira biayaan tahunan yang dianggarkan tidak kurang daripada RM150 juta setahun bagi kos program pemberian air percuma sebanyak 20 m<sup>3</sup> kepada rakyat Negeri Selangor,

jumlah keseluruhan subsidi tahunan yang diperlukan daripada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM405 juta setahun.

Kadar tarif yang digunakan pada ketika ini adalah merupakan kadar tarif yang telah diluluskan pada tahun 2006. Sejak dari itu, selama 12 tahun tidak ada sebarang kenaikan tarif kepada pengguna. Jika merujuk kepada Perjanjian Konsesi SYABAS, kenaikan tarif untuk kali keempat adalah pada 01 Januari 2018 dengan kadar purata sebanyak RM3.15 bagi setiap meter padu berbanding kadar yang sedang dinikmati ketika ini sebanyak RM1.39.

Dasar pemberian bekalan air secara percuma bagi 20-meter padu pertama atau potongan RM11.40 kepada pengguna domestik yang bermeter individu setiap bulan telah dilaksanakan di Selangor bermula 1 Jun 2008. Program ini dirangka bagi mengurangkan beban rakyat khususnya daripada golongan berpendapatan rendah. Dasar pemberian air percuma ini diberikan kepada semua pengguna air domestik yang menggunakan meter individu di Selangor. Walaupun program ini menasarkannya kepada golongan berpendapatan rendah, namun Kerajaan Negeri telah meluaskan kemudahan ini semua penduduk Negeri Selangor tanpa mengira lapisan masyarakat dan pendapatan selagi mereka merupakan pengguna domestik yang menggunakan meter individu. Semenjak mula dilaksanakan pada Jun 2008 sehingga 30 Jun 2018, program ini telah menelan belanja sebanyak RM1,587,972,946.95. Jumlah yang dibelanjakan untuk membiayai program air percuma ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri menggunakan Kumpulan Wang Disatukan.

Justeru itu, di dalam usaha untuk mendapatkan perkhidmatan bekalan air yang diurus secara holistik ke arah perkhidmatan yang menjamin ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien dan kos efektif di samping dapat meneruskan Program Air Percuma, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kadar tarif dan program pemberian air percuma perlu diteliti. Namun sebarang langkah untuk menetapkan kadar tarif akan mengambil kira bebanan yang ditanggung oleh rakyat, terutamanya golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : PENYAKIT HMFD UNTUK TAHUN INI 2018**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa ramai kanak-kanak di Selangor yang telah dijangkiti penyakit HMFD untuk tahun ini 2018?
  - b) Apakah langkah-langkah pencegahan bagi memastikan penyakit HFMD dapat dielakkan terhadap anak-anak di tadika-tadika ini?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kanak-kanak di Selangor yang telah dijangkiti penyakit HFMD untuk tahun 2018 adalah seperti berikut:

<b>Daerah</b>	<b>Kumulatif kes kanak-kanak (dibawah 15 tahun)</b>	<b>Kumulatif Kes Keseluruhan</b>
Petaling	4,488	5,481
Hulu Langat	2,696	3,176
Klang	1,085	1,242
Gombak	1,992	2,347
Kuala Langat	876	1,008
Hulu Selangor	597	673
Sepang	374	434
Kuala Selangor	561	627
Sabak Bernam	278	307
<b>JUMLAH</b>	<b>12,947</b>	<b>15,295</b>

- b) Beberapa langkah pencegahan dan kawalan yang telah dilakukan adalah:

Memastikan **pengusaha pusat jagaan kanak-kanak untuk mengadakan saringan** di pintu-pintu masuk (*gate-keeping*) bagi memastikan hanya kanak-kanak yang tiada tanda-tanda jangkitan HFMD dibenarkan memasuki premis.

- i. Mempergiatkan usaha **meningkatkan kesedaran masyarakat** mengenai HFMD khususnya kepada ibubapa, pengusaha premis jagaan kanak-kanak dan guru-guru sekolah dari segi:
  - penjagaan kebersihan diri (personal hygiene) termasuk amalan mencuci tangan,
  - Penjagaan kebersihan **persekitaran** termasuk nyahkuman permukaan (lantai, tandas, meja dll).
- ii. Mempertingkatkan **aktiviti pemantauan** di semua sekolah (pra-sekolah), premis jagaan kanak-kanak (tadika/taska /tabika).
- iii. Menjalankan **siasatan segera** ke atas kes-kes yang dilaporkan oleh orang awam termasuk aduan wabak.
- iv. Menjalankan **mesyuarat Inter-agensi** yang dipengerusikan oleh Dato Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, bersama JPNS, JKMS, Taska Selangor, PBT, PKD, UPEN dan beberapa agensi lain pada 10/8/2018. Selain itu, di peringkat daerah juga turut dijalankan mesyuarat *townhall* yang disertai agensi-agensi berkaitan.
- v. Memberi **tunjuk ajar** kepada guru tadika/taska cara pembasmian kuman dan edaran poster dan risalah berkaitan HFMD serta ceramah di TV dan radio.
- vi. Tindakan **penguatkuasaan** dengan penutupan taska/tadika jika berlaku wabak atau cluster dibawah seksyen 18, Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 ( Pindaan April 2014)



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KUBUR BUKAN ISLAM**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan kubur-kubur di Negeri Selangor untuk masyarakat bukan Islam yang masih mempunyai kapasiti.
  - b) Untuk setiap kubur tersebut, berapakah bilangan petak yang masih ada, dan mengikut unjuran Kerajaan, tahun berapakah ia akan penuh?
  - c) Apa rancangan untuk kubur baru?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Secara keseluruhannya, negeri Selangor mempunyai **117 buah** tapak kubur selain Islam. Jumlah ini termasuk tapak kubur bersepadu yang menempatkan pelbagai agama di dalam satu lot / bidang tanah. Tapak kubur selain Islam terletak di bawah bidang kuasa setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, terdapat juga tapak kubur yang disediakan dan diselenggara oleh pihak swasta dan persatuan-persatuan keagamaan yang berkaitan.

Secara kesimpulannya, tapak-tapak rumah ibadat selain Islam pada masa ini mencukupi dan boleh menampung penggunaan sehingga 30-50 tahun akan datang. Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan keperluan tapak kubur selain Islam sentiasa mencukupi berdasarkan keperluan semasa. Berikut adalah senarai kubur-kubur selain Islam, bilangan atau peratusan petak yang masih kosong dan unjuran kapasiti kubur seperti di **Jadual 1**.

**SENARAI, KAPASITI DAN UNJURAN KUBUR BUKAN ISLAM DI NEGERI SELANGOR**

<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
<b>MBSA</b>	Lot 981 Kompleks Perkuburan Bersepadu MBSA, Jalan Pusara 21/1, Seksyen 21 - (25 ekar)	<p><b>Cina:</b> Tiada proses tanam mayat. Mayat di bakar</p> <p><b>India:</b> Terdapat 10,000 petak dan sebanyak 9,804 yang masih kosong</p> <p><b>Kristian:</b> Terdapat 5,000 petak dan sebanyak 4,834 yang masih kosong</p>	30 ke 50 tahun
	Kompleks Perkuburan Bersepadu Seksyen U14, Jalan Setia Makmur U14/49, Setia Alam, Seksyen U14 - (45 ekar)	Pengurusan oleh pihak swasta	Pengurusan oleh pihak swasta
	Tanah Perkuburan Cina, No.10, 14 & No.16, (melalui) Jalan Jingga U9/39, Seksyen U16 <i>No.10 - (5 ekar), No. 14 - (16.27 ekar) &amp; No.16- (8.7 ekar)</i>	Pengurusan oleh pihak swasta	Pengurusan oleh pihak swasta
<b>MBPJ</b>	Tanah Perkuburan Hindu MBPJ, SS2 Damansara Jaya	Terdapat 30,000 petak dan sebanyak 9,804 yang masih kosong	2048 (30 tahun)
	Tanah Perkuburan Kristian (tutup)	Kosong	Tidak berkaitan
<b>MPSJ</b>	Tanah Perkuburan Cina Batu Tiga	Tiada maklumat	Tiada data unjuran.

<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
	Tanah Perkuburan Cina / Budhha Batu 14		Pengurusan oleh pihak swasta / persatuan keagamaan
	Perkuburan Cina Choong Hwa Serdang Selangor, Universiti Putra Malaysia		
	Perkuburan Hindu Kampung Pasir Puchong, Batu 14		
	Tanah Perkuburan Hindu Batu Tiga		
	Tanah Perkuburan Kristian Batu 14 Puchong	Dalam proses naik taraf (belum beroperasi)	
<b>MPK</b>	Tanah Perkuburan Cina Lot 218 Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 6.78 ekar bersamaan sekitar 40%	20 ke 30 tahun
	Tanah Perkuburan Cina Lot 216 Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.03 ekar bersamaan sekitar 40%	20 ke 30 tahun
	Tanah Perkuburan Cina Lot 6314 Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 3.48 ekar bersamaan sekitar 40%	
	Tanah Perkuburan Cina Lot 6628 Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 9.68 ekar bersamaan sekitar 40%	
	Tanah Perkuburan Cina Lot 6965 & 6966 Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 8.77 ekar	

<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
		bersamaan sekitar 40%	
	Tanah Perkuburan Cina Lot 47 & 50 Jalan Meru	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 4.65 ekar bersamaan sekitar 30%	
	Perkuburan Cina Batu 7, Jalan Kapar	Tidak aktif (0%)	Tidak berkaitan
	Perkuburan Cina Buddhist Lot 103, Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah tapak yang masih kosong adalah 0.08 ekar bersamaan sekitar 10%	10 ke 20 tahun
<b>MPK</b>	Perkuburan Hindu Lot 7, Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.46 ekar bersamaan sekitar 70%	30 ke 50 tahun
	Perkuburan Hindu Lot 99, Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.89 ekar bersamaan sekitar 70%	
	Perkuburan Hindu Lot 100, Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.11 ekar bersamaan sekitar 70%	
	Perkuburan Hindu, Batu 10, Jalan Kapar	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 2.85 ekar bersamaan sekitar 70%	
	Tanah Perkuburan Hindu Jalan Haji Sirat Batu	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 3.04 ekar bersamaan sekitar 70%	30 ke 50 tahun
	Tanah Perkuburan Hindu Lot 61, Batu 7, Jalan Kapar	Tidak aktif (0%)	Tidak berkaitan

<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
	Tanah Perkuburan Hindu Lot 5601, Batu 7, Jalan Kapar	Tidak aktif (0%)	
<b>MPK</b>	Tanah Perkuburan Kristian Lot 217, Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.11 ekar bersamaan sekitar 30%	20 ke 30 tahun
	Tanah Perkuburan Kristian Lot 5876, Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.9 ekar bersamaan sekitar 30%	
	Tanah Perkuburan Kristian Lot 6627, Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.25 ekar bersamaan sekitar 30%	
	Tanah Perkuburan Jepun, Lot 68, Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.17 ekar bersamaan sekitar 70%	30 ke 50 tahun
	Tanah Perkuburan Bombay, Lot 92, Jalan Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.82 ekar bersamaan sekitar 70%	
<b>MPKJ</b>	Kubur Cina Sungai Tekali Jalan Sungai Tekali H. Langat, Lot 760, Hulu Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 4.219 ekar	Tiada data unjuran
	Kubur Cina Kampung Baru Batu 14, Lot 702, Jalan Ampang, Hulu Langat	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 1.78 ekar	
	Tanah Perkuburan Cina Tong Hua, Beranang), Lot 2240, Beranang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 2.05 ekar	

<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
	Nirvana Memorial Park Tepi Jalan Utama Sungai Lalang Menuju Ke Empangan Semenyih, Hulu Semenyih	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 316.4	Tiada data unjuran
	Perkuburan Cina (Semenyih Memorial Hills) Tepi Jalan Utama Sungai Lalang Menuju Ke Empangan Semenyih, Hulu Semenyih	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 100 ekar	
	Kubur Cina (Tanah Perkuburan Hokkien) Jalan Wan Siew, Sg Chua (Sebelah Taman Semarak), Lot 930, Kajang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 8.375 ekar	
	Kubur Cina (Kwan Si Cemetery) Jalan Bangi Lama (Sebelah Taman UKM), Lot 6453, Kajang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 2.1 ekar	
	Kubur Cina Jalan Bangi Lama (Hadapan Kg. Bahagia, Bangi), Lot 4536, Kajang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 5.1 ekar	
	Kubur Cina (Tanah Perkuburan Kwan Tung) Kampong Sungai Kantan, Lot 1085, Kajang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 20.33 ekar	
<b>MPKJ</b>	Kubur Cina (Tanah Perkuburan Hakka) Sungai Jelok, Lot 2370, Kajang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 29.58 ekar	Tiada data unjuran
	Tanah Perkuburan Cina Di Bahagian Belakang Kilang Sweet Dream, Sg. Long, Lot 3456, Cheras	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 15.3 ekar & 18.3 ekar	
	Tanah Perkuburan Cina Bersebelahan Lebuhraya SILK Balakong, Lot 3224, Cheras	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 6.26 ekar	
	Kubur Cina Lot 313, 1233, 1234, 1235 & 1236 (Berhadapan Jalan Semenyih)	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 12.1 ekar	

<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
	Kubur Cina (Bersebelahan Kawasan Perindustrian Kajang Jaya), Lot 1069 & 1070, Semenyih	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 5.38 ekar	
	Kubur India (Bersebelahan Kawasan Perindustrian Kajang Jaya), Lot 1070, Semenyih	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 5.38 ekar	
	Kubur Hindu Jalan Desa Serdang (Sebelah Bangunan Minion), Lot 5833, Kajang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 2.1 ekar	
<b>MPKJ</b>	Kubur Hindu (Sebelah Taman Damai Mewah), Lot 4539, Kajang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 10.1 ekar	Tiada data unjuran
	Tanah Perkuburan India (Di Bahagian Belakang Kilang SweetDream, Sg. Long), Lot 3456 Cheras	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 3 ekar	
	Kubur Hindu (Annammal & Sinnammal Kallarai), Kajang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 3.40 ekar	
	Perkuburan Kristian (Nirvana Christian Memorial Park) Tepi Jalan Utama Sg Lalang Menuju Ke Empangan Semenyih, Hulu Semenyih	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 203.8 ekar	
	Kubur Kristian Kajang Kwan Tung, Sungai Chua, Lot 763 & 765, Kajang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 1.011 ekar	
	Kubur Kristian (Tanah Perkuburan Katolik Holy Family) Jalan Bukit, Lot 969, Kajang	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 6.5 ekar	
	Kubur Kristian (Perkuburan Kristian Khatolik) (Berhadapan Jalan Semenyih), Lot 248, Semenyih	Keluasan tapak yang masih kosong adalah 9 ekar	

**KUBUR BUKAN ISLAM**

<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
<b>MPAJ</b>	KUBUR CINA : 40.794 Ekar 1. Pinggiran Ukay : 12.48 ekar 2. Taman Ukay Height : 18.01 ekar 3. Bersebelahan Taman Andaman Ukay : 9.794 ekar	Pengurusan oleh pihak swasta / persatuan agama	Pengurusan oleh pihak swasta / persatuan agama
	KUBUR HINDU : Taman Ukay Height : 3.85 ekar		
<b>MPSP</b>	Science Park	Keluasan tapak adalah 5.31 ekar	Tiada data unjuran
	Bandar Serenia	Keluasan tapak adalah 2.36 ekar	
	Tapak Perkuburan Bersepadu Pekan Sepang -Hindu (1.93 ek) -Cina (6.36 ek)	Bilangan kubur Hindu yang masih kosong adalah 481 petak. Bilangan kubur Cina yang masih kosong adalah 1242 petak	
	Lot 114881, Pekan Sepang (4.029 ekar)	Perkuburan kawasan kampung	
	Plot 99, Ampar Tenang (1.25 ek)	Perkuburan kawasan estet	
<b>MPS</b>	Tanah Perkuburan Cina Rawang	Tiada maklumat	Tiada data unjuran
	Tanah Perkuburan Pertubuhan Masyarakat Cina Batu Arang		
	Tanah Perkuburan Cina Batu Arang		
	Tanah Perkuburan Cina Kundang		
	Tanah Perkuburan Cina Kuang		
	Tanah Perkuburan Cina Kampung Sri Indah		
	Tanah Perkuburan Cina Kampung Bahagia		



<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
	Tanah Perkuburan Cina Kepong Tanah Perkuburan Cina Lama Tanah Perkuburan Cina Selayang Bharu Tanah Perkuburan Cina Kota Puteri Tanah Perkuburan Hindu Batu Arang Tanah Perkuburan Hindu Taman Setia Fasa 1 Tanah Perkuburan India & Cina Sungai Buloh Tanah Perkuburan Cina Sri Gombak		
<b>MDKS</b>	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT
<b>MDHS</b>	Tanah Perkuburan Cina Kg Kerling Tanah Perkuburan Cina Kerling (Kolam Air Panas) Tanah Perkuburan Cina Kuala Kubu Bharu Tanah Perkuburan Cina (Hokkien) Rasa	Keluasan tapak adalah 23.7 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 9.48 ekar bersamaan sekitar 40% Keluasan tapak adalah 20 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 18 ekar bersamaan sekitar 90% Keluasan tapak adalah 25.2 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 5.0 ekar bersamaan sekitar 19% Keluasan tapak adalah 11.30 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 3.39 ekar bersamaan sekitar 30%	Tiada data unjuran

<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
	Tanah Perkuburan Cina Rasa& Batang Kali	Keluasan tapak adalah 26.95 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 26.4 ekar bersamaan sekitar 98%	Tiada data unjuran
	Tanah Perkuburan Cina Hulu Yam Baru	Keluasan tapak adalah 5.60 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 2.24 ekar bersamaan sekitar 40%	
	Tanah Perkuburan Cina Serendah	Keluasan tapak adalah 19.30 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 5.79 ekar bersamaan sekitar 30%	
	Tanah Perkuburan Cina Kalumpang	Keluasan tapak adalah 5.00 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.50 ekar bersamaan sekitar 10%	
<b>MDHS</b>	Tanah Perkuburan India Kerling	Keluasan tapak adalah 1.11 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.16 ekar bersamaan sekitar 14%	Tiada data unjuran
	Tanah Perkuburan India Jalan Dato Hamzah	Keluasan tapak adalah 2.30 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 1.38 ekar bersamaan sekitar 60%	

<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
	Tanah Perkuburan India Serendah	Keluasan tapak adalah 0.88 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.53 ekar bersamaan sekitar 60%	
	Tanah Perkuburan India Rasa	Keluasan tapak adalah 3.14 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 2.66 ekar bersamaan sekitar 84%	
<b>MDHS</b>	Tanah Perkuburan India Kalumpang	Keluasan tapak adalah 0.25 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.17 ekar bersamaan sekitar 68%	
	Tanah Perkuburan Sikh Jalan Dato Hamzah	Keluasan tapak adalah 1.13 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.8 ekar bersamaan sekitar 70%	
	Tanah Perkuburan India dan Cina (Kwangtung) Hokkien dan Kwong Sai, Hulu Yam Baru	Keluasan tapak adalah 13.10 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 10.5 ekar bersamaan sekitar 80%	
	Tanah Perkuburan St Paul KKB	Keluasan tapak adalah 0.74 ekar. Keluasan tapak yang masih kosong adalah 0.3 ekar bersamaan sekitar 40%	
	Rawang Memorial Park (Swasta)	Keluasan tapak adalah 214.8 ekar. Keluasan tapak yang	Tiada data unjuran

<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
		masih kosong adalah 204.0 ekar bersamaan sekitar 95%	
<b>MDKL</b>	Tanah Perkuburan Hindu / Kristian Tanjung Duabelas (Sg. Kelambu)	100% (Belum digunakan)	30 ke 50 tahun
	Tanah Perkuburan Hindu / Kristian Jalan Sungai Buaya, Ladang Jugra	Kekosongan sekitar 90%	
	Tanah Perkuburan Hindu / Kristian Sungai Sedu (Lot 1147)	Kekosongan sekitar 10%	10 ke 20 tahun
	Tanah Perkuburan Hindu / Kristian Sungai Sedu (Lot 506)	Kekosongan sekitar 30%	20 ke 30 tahun
	Tanah Perkuburan Hindu Titip	Kekosongan sekitar 20%	
	Tanah Perkuburan Hindu Jalan Banting	Tiada maklumat	Tiada maklumat
	Tanah Perkuburan Hindu Jugra Lama	Kekosongan sekitar 80%	30 ke 50 tahun
	Tanah Perkuburan Cina Bukit Cheeding	Kekosongan sekitar 95%	
	Tanah Perkuburan Cina Kg. Permatang Pasir (Jirat Cina)	Kekosongan sekitar 10%	10 ke 20 tahun
	Tanah Perkuburan Cina Bukit Jugra (Lapang Sasar)	Kekosongan sekitar 80%	30 ke 50 tahun
	Perkuburan Cina Bukit Jugra (Lot 340)	Tiada maklumat	Tiada maklumat
	Perkuburan Cina Bukit Jugra (Lot 664)	Kekosongan sekitar 30%	20 ke 30 tahun
	Perkuburan Cina Telok Panglima Garang	100% (Belum digunakan)	30 ke 50 tahun
	Perkuburan Cina Morib	100% (Belum digunakan)	
<b>MDSB</b>	Kubur Cina Jalan Torkingson	Tiada maklumat	Tiada maklumat
	Kubur Cina Kg Bagan Sg Burung		
	Kubur Cina Kg Bagan Sg Besar		

<b>KUBUR BUKAN ISLAM</b>			
<b>PBT</b>	<b>SENARAI PENUH KUBUR</b>	<b>BILANGAN PETAK / TAPAK YANG MASIH KOSONG</b>	<b>UNJURAN PETAK KUBUR AKAN PENUH (TAHUN)</b>
	Kubur Cina Kg Batu 2 Sepintas		
	Kubur Cina Kg Bagan Sg Burung (Tambahan)		
	Kubur Hindu Jalan Torkingson		
	Kubur Hindu Kg Sg Burung		
	Kubur Bersepadu		

**Jadual 1**

*\*Sumber daripada PBT Negeri Selangor*

- c) Setiap pembangunan tapak perkuburan akan disyaratkan bagi pembangunan baru mengikut Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga) iaitu bagi setiap 1,000 orang penduduk disyaratkan 0.2 hektar tapak perkuburan atau 1 hektar bagi setiap 5,000 penduduk.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai perancangan tapak kubur baru di beberapa kawasan. Sebagai contoh, terdapat cadangan tapak kubur selain Islam yang di bawah MBPJ seluas 18 ekar di PJU 4, Kota Damansara. Terdapat juga perancangan untuk penyediaan tapak kubur bersepadu di Laman 3 Bernam Jaya, Hulu Selangor oleh pihak PKNS.

Selain itu juga, terdapat cadangan tapak kubur selain Islam di Bandar Rimbayu, Kuala Langat seluas 3.66 ekar dan Taman Desa Kemandol, Kuala Langat seluas 3 ekar. Di daerah Kuala Selangor, terdapat cadangan pembangunan tapak kubur bersepadu seluas 238.92 ekar yang akan dibangunkan oleh pihak NIRVANA.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : WIFI SELANGORKU**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan boleh membantu pemasangan wifi di Sekolah Vokasional Sg Buloh?
- b) Bilakah Kerajaan akan meluaskan pemasangan wifi di sekitar kawasan rumah pangsapuri Kos Rendah Bukit Rahman Putra?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sedia membantu untuk pemasangan kemudahan WiFi Smart Selangor di Sekolah Vokasional Sungai Buloh. Walau bagaimanapun, pihak sekolah perlu memberi persetujuan bertulis kepada penyelaras projek WiFi Smart Selangor iaitu pihak SMARTSEL, anak syarikat MBI, untuk memohon pemasangan WiFi Smart Selangor di sekolah tersebut. Pemasangan pula adalah tertakluk kepada kemudahan infrastruktur jaringan teras di kawasan tersebut.
- b) Kerajaan Negeri sedia membantu untuk meluaskan pemasangan kemudahan WiFi Smart Selangor di kawasan pangsapuri Kos Rendah, termasuk di Bukit Rahman Putra. Walau bagaimanapun, wakil dari pihak pangsapuri tersebut perlu memberi persetujuan dan permohonan bertulis kepada penyelaras projek WiFi Smart Selangor iaitu pihak SMARTSEL, anak syarikat MBI, untuk pemasangan WiFi Smart Selangor. Pemasangan pula adalah tertakluk kepada kemudahan infrastruktur jaringan teras di kawasan tersebut serta beberapa kriteria yang diperlu dipenuhi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN NEGERI SELANGOR**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah memutuskan lokasi dan kos bagi tujuan pembangunan Pusat Kebudayaan Negeri Selangor yang dicadangkan bagi memaparkan kepelbagaian kebudayaan etnik dan kaum yang berada di Negeri Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**JAWAPAN:**

- a) Perancangan bagi penubuhan Pusat Kebudayaan pelbagai kaum di Selangor telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Kebudayaan semenjak 2012. Ianya melibatkan pembangunan pusat kebudayaan pelbagai kaum yang secara keseluruhannya berpusat di daerah Klang. Cadangan ini melibatkan empat (4) tapak bagi ketiga-tiga kaum, iaitu satu (1) tapak di Kg. Bukit Kuda bagi Pusat Kebudayaan Melayu, satu (1) tapak di Bandar Klang bagi Pusat Kebudayaan Cina dan dua (2) tapak di Kg Pandan bagi Pusat Kebudayaan India.

Perkara ini kemudiannya telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-33/2012 bertarikh 11 September 2012 dan telah disahkan pada MMKN Ke-34/2012 pada 19 September 2012 dengan keputusan seperti berikut:

- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengambil maklum pembentangan konsep cadangan pembangunan dan tiga (3) cadangan opsyen Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India Negeri Selangor dan cadangan konsep bagi mengintegrasikan ketiga-tiga pusat kebudayaan tersebut oleh juru perunding DPZ Asia.
- ii. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bersetuju agar peruntukan sebanyak RM80,000.00 diperuntukkan bagi penyediaan *detail concept* untuk ketiga-tiga cadangan pusat kebudayaan dan cadangan mengintegrasikan ketiga-tiga pusat kebudayaan tersebut dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri."

Lanjutan itu, beberapa siri perbincangan dan mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan pusat kebudayaan ini. Walau bagaimanapun, cadangan bagi pembangunan pusat kebudayaan ini tidak diteruskan bagi menghormati dan menyempurnakan titah dari D.Y.M.M Sultan Selangor



berkaitan perkara melibatkan pelbagai kaum yang disampaikan melalui surat daripada Pejabat Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor kepada Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Ruj: (9)dlm.Pej.DYMM.Sul.Sel.M/3/01.Jld 26) bertarikh 12 September 2012 seperti berikut:

*"D.Y.M.M Sultan Selangor menitahkan bahawa Baginda tidak berkenan pembinaan pintu gerbang (Arch) di Jalan Tengku Kelana, Klang yang disebut 'Little India' kerana Klang adalah merupakan Bandar Diraja. Baginda juga tidak berkenan bandar-bandar di dalam Negeri Selangor ini diwujudkan 'Little India' atau 'China Town' atau 'Islamic City'. Ini dikhuatiri boleh mewujudkan sentimen perkauman kerana Baginda mahukan rakyat di Negeri Selangor hidup dalam harmoni dan bersatu padu. D.Y.M.M Sultan Selangor juga pernah menerima permohonan menamakan Shah Alam sebagai 'Islamic City' di mana Baginda telah menolak permohonan ini atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas."*

Perkara ini sekali lagi telah ditegaskan melalui surat daripada Pejabat Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor kepada Y.Bhg Dato' Y.D.P Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Rujukan: (65)dlm.Pej.DYMM.Sul.Sel.M/3/01.Jld.37) bertarikh 27 April 2016 seperti berikut:

*"D.Y.M.M Sultan Selangor tidak berkenan untuk sebarang pewartaan nama 'Little India' di mana-mana tempat di Negeri Selangor, terutama sekali di Klang. D.Y.M.M Sultan Selangor menitahkan supaya status Klang sebagai Bandar Diraja hendaklah dijaga dengan baik. Walau bagaimanapun D.Y.M.M Sultan Selangor tidak menghalang pengembangan amalan budaya masyarakat berbilang kaum di negeri ini untuk memperkayakan lagi warisan kebudayaan dan kesenian di Negeri Selangor. D.Y.M.M Sultan Selangor juga menitahkan supaya isu 'Little India' tidak lagi ditimbulkan pada masa-masa akan datang."*

Disertakan dokumen-dokumen yang berkaitan di lampiran untuk perhatian.

Sehubungan itu, bagi menggantikan rancangan penubuhan Pusat Kebudayaan pelbagai kaum di Selangor, satu cadangan telah dikemukakan untuk mengenal pasti satu kawasan yang dapat dijadikan sebagai sebuah "Desa Budaya" yang mengandungi elemen daripada pelbagai kaum. Cadangan ini adalah selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor semasa Majlis Pelancaran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat) pada 5 Mei 2010 iaitu mewujudkan satu "Desa Budaya" yang memaparkan khazanah kekayaan adat Melayu dan warisan Selangor di lokasi yang bersesuaian di pintu masuk negeri Selangor (rujuk lampiran).

Pewujudan Desa Budaya ini akan melibatkan perancangan jangka masa panjang dan perlaksanaannya akan digerakkan secara kolaboratif antara


Kerajaan Negeri dan juga penduduk tempatan. Desa tersebut hendaklah mempunyai penduduk daripada pelbagai kaum yang menjalankan kegiatan ekonomi tradisional seperti pertanian, perikanan, penternakan, pertukangan dan kraf tangan serta kaya dengan pelbagai kebudayaan dan kesenian yang beridentitikan Selangor.

Di dalam Desa Budaya tersebut juga akan diwujudkan sebuah kompleks kebudayaan seperti yang terdapat di Perkampungan Hang Tuah dan Perkampungan Budaya Sarawak. Bagi tujuan itu pihak Padat telah mengenal pasti beberapa lokasi yang berkemungkinan sesuai di pintu masuk Selangor melalui jalan darat di Sabak Bernam. Namun begitu, lokasi yang tepat akan dimaklumkan sejurus selepas kajian dan perbincangan lanjut dilakukan bersama pihak-pihak yang berkaitan.

Dato' Lela Bakti  
Seriausaha Sulit Kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor.

Dato' Lela Bakti  
Private Secretary to H.R.H. The Sultan of Selangor.

Istana Alam Shah  
41500 Klang, Selangor,  
Malaysia.



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008  
Registration No: AR 5085

يَقَابَاتُ دَوْلِيَّةِ يَبِيحُ مَهَامُ مَلِيَا سُلْطَانِ سِيَلَانُورِ

Ruj. kami: 65 dlm.Pej.DYMM.Sul.Sel.M/3/01.Jid.37

Tarikh: 27 April 2016

Y.Bhg. Dato' Mohamed Yasid bin Bidin D.S.I.S., A.M.S.

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Klang  
Bangunan Sultan Alam Shah  
Jalan Perbandaran  
41675 Klang  
Selangor Darul Ehsan

Y.Bhg. Dato',

### ISU PEWARTAAN NAMA 'LITTLE INDIA' DI JALAN TENGGU KELANA, KLANG

Adalah saya dengan hormatnya menjunjung titah D.Y.M.M. Sultan Selangor merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa D.Y.M.M. Sultan Selangor tidak berkenan untuk sebarang pewartaan nama "Little India" di mana-mana tempat di Negeri Selangor, terutama sekali di Klang. D.Y.M.M. Sultan Selangor menitahkan supaya status Klang sebagai Bandar Diraja hendaklah dijaga dengan baik. Walau bagaimanapun D.Y.M.M. Sultan Selangor tidak menghalang pengembangan amalan budaya masyarakat berbilang kaum di negeri ini untuk memperkayakan lagi warisan kebudayaan dan kesenian di Negeri Selangor.

3. Bersama-sama ini disertakan salinan surat daripada jabatan ini (Ruj. kami:(9) dlm.Pej.DYMM.Sul.Sel.M/3/01.Jid.26 dan keputusan Mesyuarat EXCO pada tahun 2012 yang telah menjelaskan mengenai perkara ini, untuk rujukan dan tindakan pihak Y.Bhg. Dato'.

4. Sehubungan dengan ini juga D.Y.M.M. Sultan Selangor menitahkan supaya isu "Little India" tidak lagi ditimbulkan pada masa-masa akan datang.

5. Kerjasama pihak Y.Bhg. Dato' dalam menyempumakan titah D.Y.M.M. Sultan Selangor ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK RAJA, RAKYAT DAN NEGARA"

Saya yang menjunjung titah,

DATO' HJ. MOHAMAD MUNIR BIN BANI D.P.M.S., U.S.O.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.A.D. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang

Istana Alam Shah

Tel : 603-3371 3411  
Fax: 603-3371 6969

Email : pejabatdymmsultanselangor@yahoo.com



Istana Bukit

Tel : 603-5519 4242  
Fax: 603-5519 8181  
UNIT PERANCANG EKONOMI  
NEGERI SELANGOR

Istana Mestika

Tel : 603-5519 4242  
Fax: 603-5519 8181

Email : istanamestika@yahoo.com.my



Take up  
29/4

pp(p),  
Semah status dgn  
mpk & lapor.  
(TR 8/8/16)



NOR AZMIE DIRON  
TSUK(P)

no/2016

Dato' Lela Bakti  
Setiausaha Sulit Kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor.

Dato' Lela Bakti  
Private Secretary to H.R.H. The Sultan of Selangor.

Istana Alam Shah  
41500 Klang, Selangor,  
Malaysia.



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008  
Registration No : AR 5885

حجابتی داری بغمہا مولیٰ کا سلطان سیلاکوٹ

Ruj. kami: ( 9 ) dlm. Pej. DYMM. Sul. Sel. M/3/01. Jld 26

Tarikh: /2 September 2012.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Selangor  
Tingkat 19  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam

Y.B. Dato',

**PERMOHONAN ULASAN SECARA TEKNIKAL BERKAITAN ISU  
PEMBINAAN PINTU GERBANG LITTLE INDIA JALAN TENGGU KELANA  
KLANG**

Dengan hormatnya saya menjunjung titah perintah D.Y.M.M. Sultan Selangor untuk merujuk kepada surat Y.B. Dato' IPK. Sel. 60394/42/1 Jld 2 (33) bertarikh 5 September 2012 mengenai perkara diatas.

2. D.Y.M.M. Sultan Selangor menitahkan saya untuk memaklumkan bahawa Baginda tidak berkenan pembinaan pintu gerbang (Arch) di Jalan Tengku Kelana, Klang yang disebut Little India kerana Klang adalah merupakan Bandar Diraja. Baginda juga tidak berkenan bandar-bandar di dalam Negeri Selangor ini diwujudkan Little India atau China Town atau Islamic City. Ini dikhuatiri boleh mengwujudkan sentimen perkauman kerana Baginda mahukan rakyat di Negeri Selangor ini hidup dalam harmoni dan bersatu padu.

3. Untuk makluman Y.B. Dato', D.Y.M.M. Sultan Selangor pernah menerima permohonan untuk menamakan Shah Alam sebagai Islamic City di mana Baginda telah menolak permohonan ini atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas.

4. Seperti yang telah diketahui, di Kuala Lumpur telah diwujudkan China Town di Jalan Petaling dan Little India di Jalan Brickfield. Kuala Lumpur dahulunya adalah sebahagian daripada Negeri Selangor dan ianya terletak di Lembah Klang.

...2/-

Istana Alam Shah

Tel : 603-3371 3411  
Fax: 603-3371 6969

Email : pejabatdyinmsultanselangor@yahoo.com

Istana Bukit Kayangan

Tel : 603-5519 3232  
Fax: 603-5510 6287

Istana Mestika

Tel : 603-5519 4242  
Fax: 603-5519 8181


Email : istanamestika@yahoo.com.my

5. Kerjasama Y.B. Dato' dalam menyempurnakan titah D.Y.M.M. Sultan Selangor ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK RAJA, RAKYAT DAN NEGARA".

Saya yang menjunjung titah,



(DATO' HJ. MOHAMAD MUNIR BIN BANI)

s.k. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan  
Negeri Selangor (Pembangunan)

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Klang


Y.A.D. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang

### 9.3. Sambutan Perayaan Deepavali 2012

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam memaklumkan kos bagi sambutan Perayaan Deepavali 2012 adalah bernilai RM250,000.00 yang akan melibatkan tujuh (7) lokasi. Sambutan ini akan bermula pada 10 dan 11 November 2012 di Klang diikuti pada 16 November 2012 di Rawang, 17 November 2012 di Port Klang, 18 November 2012 di Taman Medan, 23 November 2012 di Sementa dan akan berakhir pada 30 November 2012 di Subang. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju dengan penganjuran tersebut dan sambutan Perayaan Deepavali Peringkat Negeri Selangor yang akan diadakan pada 24 November 2012 bertempat di Dengkil, Sepang.

Tindakan: Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap  
Kesihatan Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Sektor, UPEN

### 9.4. Pembinaan Struktur Di *Little India* Klang



Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam memaklumkan bahawa Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam, Ahli Dewan Negeri Kota Alam Shah tidak mengikut arahan Kerajaan Negeri kerana telah membina Struktur (monument) *Little India* di Jalan Tengku Kelana. Larangan pembinaan tersebut juga merupakan titah DYMM Sultan Selangor bukan hanya kepada *Little India* tetapi *Islamic City*, *Chinese Town* dan seumpamanya. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju supaya Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri mengarahkan Majlis Perbandaran Klang untuk mengambil tindakan yang sewajarnya berhubung pembinaan struktur tersebut di Jalan Tengku Kelana.


Tindakan: Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Klang



# PUSAT KEBUDAYAAN – Pelan Google



11	Pusat Kebudayaan Cina	42.93	Bandar Klang, Klang	105, 117, 220, 931, 932, 933, 934, 935, 2519 dan 2854
18	Pusat Kebudayaan India (A)	16.50	Kg Pandan, Klang	955, 958, 959 dan 2821
16	Pusat Kebudayaan India (B)	17.60	Kg Pandan, Klang	943, 942, 941, 940, Lot 16, 15, 14, TM dan 1
17	Pusat Kebudayaan Melayu	15.00	Kg Bukit Kuda, Klang	2501, 2502, 2503, 2054, 2506, 2507, 2508 dan (TM)



***TITAH DYMM TUANKU SULTAN SELANGOR SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (PADAT)  
PADA 05 MEI 2010***

Pertama: PADAT dapat menjejaki dan mengenalpasti sumber-sumber adat budaya dan warisan Selangor dan seterusnya melakukan **penyelidikan saintifik** ke atas penemuan-penemuan itu;

Kedua: PADAT hendaklah menubuhkan **Pusat Penyelidikan Adat Melayu dan Warisan Selangor** di bawah seliaan dan tanggungjawab PADAT;

Ketiga: PADAT menganjurkan **seminar dan konvensyen adat Melayu dan warisan Selangor** dengan menghimpunkan pakar-pakar dalam dan luar negara bagi membincang beberapa aspek penting pembangunan adat Melayu dan warisan Selangor;

Keempat: PADAT hendaklah **menjalin hubungan dua hala** dengan badan-badan dan institusi-institusi yang berkaitan di peringkat Persekutuan dan antarabangsa untuk memperkaya isi kandungan dan persembahan adat Melayu dan warisan Selangor;

Kelima: PADAT perlu menubuhkan **Desa Budaya** yang memaparkan khazanah kekayaan adat Melayu dan warisan Selangor di lokasi yang sesuai di pintu masuk negeri ini.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : HAK PENEROKA/WARIS PENEROKA TANAH**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah permohonan peneroka/waris peneroka asal yang masih belum mendapat geran tanah di Kampung Telok Gong, Pelabuhan Klang.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah keseluruhan peneroka : 234 Lot  
Mendapat Hak milik : 39 Lot  
Belum mendapat hak milik : 195 Lot

Baki 195 lot hanya dapat diselesaikan setelah Pemilik Berdaftar Tanah Hamid Tuan menyerahkan hak milik untuk dibatalkan melalui Borang 12(a) dan diberi milik kepada peneroka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KESIHATAN MENTAL**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah pecahan kegunaan RM1 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Selangor untuk menangani isu kesihatan mental?
  - b) Apakah cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan program-program atau aktiviti-aktiviti yang dihuraikan dalam (a)?
  - c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menangani cabaran-cabaran dalam (b) di atas?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan daripada YB Kampung Tunku (Soalan 108) berkaitan kesihatan mental.

Bermula tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk pelaksanaan program bagi menangani isu kesihatan mental. Sebahagian daripada peruntukan tersebut akan digunakan untuk melaksanakan program-program kaunseling secara kumpulan atau individu yang dirancang untuk diadakan pada bulan September. Program ini merangkumi pelbagai jenis isu seperti isu kekeluargaan, kerjaya, kewangan, personaliti dan perhubungan sesama masyarakat. Program mendekati golongan sasaran tersebut akan dikendalikan oleh petugas yang merupakan seorang Kaunselor Berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia dan tertakluk dengan segala peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta Kaunselor 1998.

Selain itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan kemudahan sesi kaunseling melalui maya di mana masyarakat boleh berkongsi masalah serta mendapatkan nasihat tanpa perlu bersemuka dengan kaunselor. Melalui kaedah ini, Individu yang mengalami tekanan atau kemurungan tidak lagi berasa malu untuk berkongsi dengan pihak kaunselor. Perkongsian melalui panggilan telefon juga lebih memudahkan untuk mereka meluahkan masalah tanpa rasa malu.

Kerajaan Negeri juga membuka peluang kepada organisasi bukan kerajaan untuk turut serta dalam bersama-sama menjayakan kempen-kempen ke arah mengurangkan kadar penyakit mental terutama kepada rakyat negeri Selangor.

Cabaran melaksanakan program kesihatan mental adalah untuk mengenalpasti individu yang mempunyai tanda-tanda ke arah penyakit mental kerana ianya lebih bersifat dalaman. Pesakit tidak akan menunjukkan simptom awal dan hanya dapat dikesan apabila berada di satu tahap yang memerlukan rawatan. Sehubungan itu, program yang dirancang perlulah bersifat holistik dan menyeluruh agar dapat mengurangkan kadar penyakit mental pada masa akan datang. Seperti yang diketahui umum, kaunseling didapati terbukti dalam membantu individu mengurangkan tekanan dan seterusnya mengelakkan diri dari mendapat penyakit mental kelak.

Pada masa ini melalui Pusat Kaunseling Selangor, Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan kaunseling melalui panggilan telefon mahupun temujanji bersemuka di beberapa pusat seperti di PKNS Shah Alam, di bangunan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Sepang. Penambahan Pusat Kaunseling di daerah-daerah akan diangkat untuk pertimbangan sekiranya pusat kaunseling sedia ada digunakan sebaiknya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STANDARD KAWASAN TARIKAN PELANCONG**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan bagi memastikan kawasan tarikan pelancong mempunyai persekitaran yang bersih dan indah, infrastruktur awam yang berkeadaan sempurna dan mempunyai akses kepada pengangkutan awam bagi meningkatkan imej kawasan tarikan pelancong Negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa peka dan prihatin di dalam memastikan kemudahan pelancongan berada di dalam keadaan yang terbaik agar memberi kemudahan dan keselesaan kepada para pengunjung yang datang berkunjung ke lokasi-lokasi pelancongan di Negeri Selangor.

Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta di bawah Peruntukan Pembangunan memajukan produk pelancongan di mana RM350,000.00 diperuntukkan bagi tujuan menaik taraf infrastruktur pelancongan di Bukit Melawati, Bukit Jugra, Bukit Fraser dan Kelip-Kelip Kg.Kuantan, RM300,000.00 bagi tujuan untuk menaiktaraf produk pelancongan pantai seperti Pantai Remis, Pantai Kelanang, Pantai Redang, Pantai Morib dan Pantai Bagan Lalang. Manakala, sebanyak RM350,000.00 diperuntukkan bagi tujuan menaiktaraf produk pusat rekreasi air terjun, sungai dan tasik serta sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan bagi tujuan menaiktaraf papan tanda informasi pelancongan.

Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek-projek menaik taraf produk pelancongan berdasarkan kepada keperluan dan keutamaan semasa serta bergantung pada permohonan daripada jabatan-jabatan/ agensi teknikal yang bertanggungjawab menguruskan produk pelancongan tersebut.

Meskipun peruntukan sebanyak RM1.5 juta dilihat kecil, namun Kerajaan Negeri telah melaksanakan penyelarasan bersama PBT dan agensi teknikal yang terlibat agar memastikan kemudahan-kemudahan di tempat-tempat pelancongan diselenggara dengan baik serta dapat dimanfaatkan oleh para pengunjung di samping meningkatkan imej kawasan pelancongan berkenaan. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 ialah Kerja-kerja menaik taraf Kolam Air Panas Dusun Tua, Hulu Langat, Kerja-kerja pemasangan lampu awam di Pantai Kelanang, Kuala Langat dan Kerja-kerja

menaiktaraf jalan naik ke Bukit Batu Pahat, Kuala Kubu Bharu. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri turut mengadakan beberapa langkah pemantauan dan semakan melalui :

1. Mesyuarat PRO bersama agensi-agensi dan penggiat pelancongan negeri;
2. Lawatan teknikal secara berkala atau sekiranya berlaku sebarang isu melibatkan pihak-pihak yang terlibat; dan
3. Melaksanakan *product update* bagi melihat keperluan sesuatu produk di samping memperkenalkan produk-produk baru kepada pihak media.

Di mana usaha-usaha di atas bertujuan untuk mendapatkan maklum balas serta cadangan daripada pihak PBT dan agensi teknikal serta penggiat pelancongan yang boleh dipertimbangkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri turut menggalakkan penglibatan pihak NGO dan korporat di dalam kerjasama membangunkan kemudahan-kemudahan di tempat-tempat pelancongan di Negeri Selangor. Usaha-usaha yang dilaksanakan ini bukan sahaja menjimatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri malah ia meningkatkan kesedaran tanggungjawab orang ramai di dalam menjaga dan memelihara infrastruktur serta kebersihan kawasan-kawasan pelancongan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PERUMAHAN**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan usaha Kerajaan Negeri bagi membantu para pembeli rumah di Negeri Selangor yang berdepan dengan masalah pemilikan rumah akibat dari kelewatan oleh pihak pemaju?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman pihak Yang Berhormat, sehingga 15 Ogos 2018 tiada projek Rumah Selangorku yang terbengkalai di lapangan berikutan pemantauan yang ketat dan konsisten oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor melalui Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku).

Selain daripada kerja memantau kerja pembinaan di lapangan, jawatankuasa ini juga berperanan sebagai pemudah cara dan bertindak sebagai “mediator” sekiranya terdapat kelewatan pembinaan melibatkan permasalahan teknikal di peringkat kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pihak pembekal perkhidmatan Negeri Selangor (TNB, SYABAS dan lain-lain).

Walaupun bagaimanapun, sekiranya permasalahan mengenai kelewatan pembinaan ini disebabkan ketidakpatuhan pihak-pihak terlibat dibawah Akta 118 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966, permasalahan tersebut adalah akan dirujuk kepada badan pengawal iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sehingga 15 Ogos 2018, semua projek Rumah Selangorku dalam pembinaan yang telah ditawarkan dan ditandatangani perjanjian jual beli oleh pembeli masih dijadualkan akan siap mengikut jadual yang telah dipersetujui.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KEMISKINAN BANDAR WARGA SELANGOR**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan kemiskinan warga kota?
- b) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengkaji kadar kemiskinan warga kota selaras dengan kajian UNICEF iaitu "Children without: A study of urban child poverty and deprivation in low-cost flats in Kuala Lumpur"?

**JAWAPAN:**

- a) Kemiskinan merupakan isu global yang kompleks serta perlu dilihat dari pelbagai sudut dan dimensi. Menyedari isu kemiskinan yang dilihat masih membebani hidup rakyat, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil pendekatan "peduli rakyat". Bukan sahaja penyumbang utama kepada KDNK negara, Negeri Selangor sentiasa terkehadapan dan menjadi peneraju dalam kalangan negeri-negeri lain dalam menyediakan inisiatif-inisiatif yang berpaksikan rakyat sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat yang masih berada di dalam kitaran kemiskinan.

Sebagai tanda kepedulian dan keprihatinan berterusan dalam membantu meringankan bebanan rakyat miskin dalam menghadapi tekanan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan Negeri sentiasa mempelbagaikan inisiatif dalam mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan. Namun begitu, program-program pembasmian kemiskinan ini adalah bersifat menyeluruh kepada semua golongan miskin dan kurang berkemampuan di Negeri Selangor serta tidak menfokuskan golongan miskin bandar sahaja.

Antara rancangan dan inisiatif sedia ada Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi adalah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Terdiri daripada empat puluh dua (42) program, Program-program IPR merupakan usaha keras Kerajaan Negeri dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan berpendapatan rendah di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari dimensi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup rakyat. Antara Program-program IPR adalah seperti Rumah Selangorku, Skim DanaSel, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS), Program HIJRAH, Dana Usahawan Mikro, Skim Peduli Sihat, Program Dialisis Rakyat, Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas

*Smart* Selangor (IKTISASS), Program Peduli Siswa, Biasiswa Selangor serta pelbagai lagi. Semua agenda dan rancangan Kerajaan Negeri ini telah memperlihatkan keberkesanan yang amat positif dalam menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat Negeri Selangor.

- b) Kemiskinan bandar merupakan suatu masalah sosio ekonomi utama yang berlaku di seluruh dunia termasuklah di negara-negara maju. Kita semua sedia maklum bahawa kehidupan di bandar, segalanya memerlukan semangat ikhtiar hidup yang tinggi dalam mendepani kos hidup yang jauh lebih tinggi berbanding kehidupan di luar bandar.

*“Children Without: A study of urban child poverty and deprivation in low-cost flats in Kuala Lumpur”* merupakan satu kajian yang telah dilaksanakan oleh United Nations Childrens’ Fund (UNICEF) pada 20 Ogos 2017 hingga 30 September 2017 di enam belas (16) buah flat kos rendah Program Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar Kuala Lumpur dan sebuah (1) buah flat kos rendah PPR di Negeri Selangor yang melibatkan 966 ketua isi rumah serta 2,142 orang kanak-kanak untuk melihat kedudukan semasa sosio ekonomi dan kesejahteraan anak-anak dalam empat (4) ukuran/ dimensi iaitu pendapatan, pendidikan, kesihatan dan taraf kehidupan. Hasil kajian ini melaporkan penemuan berkaitan kemiskinan kanak-kanak dalam pelbagai dimensi, terutamanya mengenai kekurangan zat makanan yang perlu diambil perhatian.

Ketika ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang rancangan untuk mengkaji kadar kemiskinan bandar secara spesifik memandangkan terdapat pelbagai laporan sosio ekonomi sedia ada yang telah disediakan oleh pelbagai pihak seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, MIER dan pelbagai lagi.

Namun demikian, Kerajaan Negeri sedar masa depan negara terletak di tangan anak muda, dan kanak-kanak juga tidak terkecuali. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan kesinambungan pendekatan “peduli rakyat” di mana golongan cilik ini juga tidak akan terkecuali untuk sama-sama mendapat manfaat.

Selain itu, hasil kaji selidik dan laporan yang dikeluarkan oleh pihak UNICEF seperti ini dilihat dapat dijadikan input dan rujukan kepada Kerajaan Negeri dalam merangka pelan/ rancangan pembangunan sosio ekonomi secara terperinci serta cadangan mengkaji kadar kemiskinan bandar terutamanya yang melibatkan kanak-kanak pinggiran pada masa akan datang.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : BANJIR KILAT DI KAMPUNG PERMATANG PASIR**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak JKR mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di pekan Kampung Permatang Pasir?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan siasatan dan kajian yang telah dilaksanakan pihak JKR Selangor terhadap 2 kejadian banjir kilat yang berlaku di pekan Kampung Permatang Pasir, ianya adalah berpunca daripada pelaksanaan Projek Tangki Air Bukit Jugra yang dilihat gagal untuk melaksanakan pelan kawalan hakisan dan kelodak (*erosion and sediment control plan, escp*) dan pelan pengurusan alam sekitar (*environmental management plan, emp*) mengikut spesifikasi dan amalan kejuruteraan yang wajib dipatuhi.

Sistem perparitan sedia ada di kawasan tersebut adalah untuk menampung kapasiti aliran permukaan (*surface runoff*) jalan sahaja dan didapati masih mencukupi. Ini dibuktikan dengan tiada berlaku sebarang kejadian banjir sebelum projek tangki air bukit jugra dilaksanakan.

Sehingga kini, pihak JKR Selangor belum ada perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di pekan Kampung Permatang Pasir. Walaubagaimanapun, dengan mengambil kira jangkaan pertambahan aliran permukaan (*surface runoff*) daripada pembangunan projek tersebut, pihak JKR Selangor telah mengarahkan kepada pihak kontraktor untuk menyelenggara sistem perparitan di kawasan ini. Bagi jangka masa panjang, pihak JKR Selangor akan mensyaratkan kepada pihak pemaju yang berkaitan untuk menaiktaraf sistem perparitan di pekan Kg Permatang Pasir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini prestasi kewangan Negeri?
- b) Nyatakan penambahbaikan yang dilakukan untuk memantapkan lagi kewangan Negeri.

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2017 jumlah hasil yang dikutip adalah berjumlah RM2,810.10 juta berbanding anggaran berjumlah RM2,550 juta, iaitu sebanyak 110.20%. Perbelanjaan mengurus pula adalah berjumlah RM1,586 juta berbanding anggaran berjumlah RM1,650 juta iaitu sebanyak 96.12%, manakala jumlah perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM1,631.75 juta berbanding anggaran berjumlah RM1,800 juta iaitu sebanyak 90.65%.

Bagi tahun 2018 pula, sehingga 31 Julai 2018 jumlah hasil yang dikutip adalah berjumlah RM1,398.47 juta berbanding anggaran berjumlah RM2,250 juta iaitu 62.15%. Perbelanjaan mengurus pula adalah berjumlah RM770 juta berbanding anggaran berjumlah RM1,460 juta iaitu sebanyak 52.74%, manakala perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM825.32 juta berbanding anggaran berjumlah RM1,660 juta iaitu sebanyak 49.72%.

- b) Usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk tujuan ini adalah seperti berikut:
  - i) Meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor iaitu 90% hasil semasa dan 75% tunggakan (Akaun Belum Terima).
  - ii) Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri Selangor.
  - iii) Melaksanakan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah (PDT), Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK (BTM, SUK)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : MASALAH PERUMAHAN KAMPUNG BUNGA RAYA**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan dilakukan bagi menyelesaikan masalah perumahan/penempatan penduduk di Kampung Bunga Raya Seksyen U6?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, pentadbiran ini telah membuat semakan dan mendapati Kampung Bunga Raya di Seksyen U6 tidak termasuk dalam senarai statistik peneroka bandar (setinggan) yang dikeluarkan pentadbiran ini. Difahami juga, semakan pentadbiran ini melalui Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mendapati bahawa ianya tiada di dalam senarai bancian peneroka bandar (setinggan).

Oleh yang demikian, pentadbiran ini memohon agar lokasi serta alamat perumahan/penempatan yang ingin dibangkitkan dinyatakan dengan lebih terperinci bagi memudahkan pengenalpastian lokasi setinggan yang terlibat. Untuk itu, Yang Berhormat dipohon supaya merujuk terus kepada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memandangkan perkara tersebut berada di bawah bidang kuasa agensi berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : WABAK DENGGI**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kadar penurunan kes denggi di Selangor berbanding negeri lain dari 2016-2018.
- b) Sejauhmanakah kesan usaha membanteras denggi oleh Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan daripada YB Bandar Utama (soalan 93), YB Semenyih (soalan 141), YB Bukit Gasing (soalan 181), YB Taman Templer (soalan 217) dan YB Sijanggang (soalan 225) berkaitan Kes Demam Denggi di Negeri Selangor.

Laporan Situasi Denggi di Negeri Selangor secara kumulatif sehingga 25 Ogos 2018 telah merekodkan sebanyak 27,453 kes, berbanding 35,343 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2017. Jumlah kes denggi bagi tahun 2018 menunjukkan pengurangan sebanyak 31% berbanding tahun 2017.

Kumulatif kes kematian pula mencatatkan sebanyak 21 kes sehingga 25 Ogos 2018 berbanding 55 kes kematian pada tahun 2017, iaitu pengurangan sebanyak 62%. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan kes denggi dan kematian bagi tahun 2018 dan 2017 mengikut daerah :

DAERAH	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
	2018	2017	2018	2017
Petaling	9,246	10,723	8	12
Klang	7,181	5,843	2	5
Hulu Langat	4,621	11,051	4	26
Gombak	3,397	4,169	0	7
Selangor	790	1,540	3	1
Kuala Langat	874	942	1	1
Hulu Selangor	815	548	1	2
Kuala Selangor	419	388	2	1

DAERAH	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
	2018	2017	2018	2017
Sabak Bernam	110	139	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>27,453</b>	<b>35,343</b>	<b>21</b>	<b>55</b>

**YB Bandar Utama** bertanya jumlah kes denggi sejak 5 tahun lepas mengikut DUN. **Lampiran 1** menunjukkan maklumat jumlah kes denggi dan kes kematian daripada tahun 2014 sehingga tahun 2018 mengikut daerah. Walaubagaimanapun, maklumat kes denggi bagi kawasan DUN masing-masing boleh merujuk kepada **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** yang diadakan pada setiap minggu.

**YB Hulu Bernam** bertanya kadar penurunan kes denggi berbanding negeri lain. Berikut adalah kadar penurunan atau peningkatan kes denggi mengikut negeri bagi tempoh yang sama sehingga 7 Julai 2018:

NEGERI	TAHUN 2017	TAHUN 2018	PENURUNAN / PENINGKATAN
	KUMULATIF	KUMULATIF	
<b>KELANTAN</b>	1,695	485	-71.40%
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	2,226	681	-69.40%
<b>MELAKA</b>	838	287	-65.80%
<b>PERAK</b>	4,156	1,625	-60.90%
<b>SARAWAK</b>	648	271	-58.20%
<b>PAHANG</b>	1,010	452	-55.20%
<b>WPKL/ PUTRAJAYA</b>	5,284	2,986	-43.50%
<b>TERENGGANU</b>	167	109	-34.70%
<b>SELANGOR</b>	28,201	19,357	-31.40%
<b>JOHOR</b>	4,117	2,869	-30.30%
<b>KEDAH</b>	915	1,010	10.40%
<b>PERLIS</b>	116	141	21.60%
<b>SABAH</b>	1,032	1,697	64.40%
<b>PULAU PINANG</b>	1,263	2,299	82.00%
<b>LABUAN</b>	26	50	92.30%
<b>MALAYSIA</b>	<b>51,694</b>	<b>34,319</b>	<b>-33.60%</b>

**YB Sijangkang** pula bertanya jumlah kes demam denggi yang telah dikesan melalui klinik-klinik panel Skim Peduli Sihat. Sehingga 27 Ogos 2018,

sebanyak 238 kes denggi telah dikenal pasti melalui klinik panel Skim Peduli Sihat.

**YB Bandar Utama** juga bertanyakan peratusan punca-punca kes denggi yang direkodkan. Merujuk kepada Laporan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Malaysia, kadar peratusan aedes positif yang dijumpai mengikut jenis premis adalah seperti berikut :

JENIS PREMIS	BIL. PREMIS DIPERIKSA	BIL. PREMIS POSITIF	% POSITIF
Taman Mainan / Rekreasi	3,869	776	20.10%
Tanah / Lot Kosong	86,796	16,354	18.80%
Tanah Perkuburan	692	64	9.20%
Tempat Pembuangan Sampah	14,362	1,298	9.00%
Kilang/Gudang	9,388	826	8.80%
Tempat Ibadat	5,086	407	8.00%
Tumpuan Awam	31,498	2,466	7.80%
Projek Rumah Terbengkalai	566	37	6.50%
Pejabat Kerajaan	3,319	166	5.00%
Sekolah (Termasuk asrama)	17,773	778	4.40%
Kemudahan Kesihatan	1,586	49	3.10%
Kompleks Perniagaan	5,222	153	2.90%
Tapak Binaan	27,577	746	2.70%
Rumah Kediaman	1,955,276	42,930	2.20%

### **PERUNTUKAN**

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM5 juta** untuk menampung perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi. Hanya Negeri Selangor sahaja yang memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk menangani denggi berbanding negeri lain di Malaysia. Sebahagian besar peruntukan ini adalah bagi melantik ***Pest Controller Operator (PCO)*** bagi membantu kawalan di peringkat PBT iaitu sebanyak **RM1.89 juta**. Selain itu, **RM1.2 juta** disalurkan kepada **Pihak Berkuasa Tempatan** bagi pembelian

**racun serta peralatan dan keperluan** dalam melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan. **Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Daerah** yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah pula telah diperuntukan sebanyak **RM350,000.00** mengikut daerah bagi menangani isu berbangkit berkaitan yang boleh menyebabkan pembiakan denggi.

Bermula pada tahun ini, sebanyak **RM1.248 juta** peruntukan telah disalurkan kepada **Ahli Majlis** melalui PBT bagi bersama-sama melaksanakan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing dengan melibatkan masyarakat setempat. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk mengkhususkan sebanyak **RM10,000.00** daripada **peruntukan Khidmat Masyarakat DUN** digunakan bagi melaksanakan program gotong-royong untuk turut membantu aktiviti pencegahan denggi.

Menjawab persoalan dari **YB Semenyih**, jadual berikut menunjukkan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri daripada tahun 2016 sehingga tahun 2018 bagi aktiviti kawalan dan pencegahan denggi.

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>
2016	1,500,000.00
2017	5,000,000.00
2018	5,000,000.00

Kes demam Denggi Negeri Selangor dipantau secara konsisten melalui 2 Mesyuarat Tindakan Denggi iaitu:

- 1. Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri Selangor** yang diadakan setiap 2 minggu bagi membincangkan dan merangka dasar serta melaksanakan program-program kawalan dan pencegahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Jabatan di peringkat Negeri; dan
- 2. Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya diadakan setiap minggu bagi membincangkan permasalahan di lokaiti wabak terutama hotspot . Mesyuarat ini akan memutuskan tindakan serta merta di peringkat daerah bagi permasalahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri wakil Jabatan di peringkat daerah termasuk Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan pihak terlibat langsung dengan isu dibincangkan.

Dalam masa yang sama, selain usaha sedia ada yang sedang dilaksanakan, terdapat pelbagai usaha baru yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini termasuklah :

1. Pelantikan semua **Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan** menjadi **Pengerusi Denggi Mengikut zon** dengan peruntukan khas yang telah disalurkan kepada setiap Ahli Majlis bagi membantu mengurangkan penularan kawasan wabak di kawasan masing-masing. Setiap Ahli Majlis perlu mewujudkan Pasukan Denggi di sesuatu lokaliti hotspot seperti COMBI bagi menanamkan rasa kebertanggungjawaban mencegah denggi perlu dilakukan bersama-sama.
2. Pelaksanaan **OPS Bersepadu Denggi Peringkat Daerah** di mana PBT lain dimobilisasikan ke daerah yang mencatatkan bilangan kes yang tinggi pada sesuatu masa.
3. Setiap PBT diminta mengadakan **Taklimat kepada kontraktor pembersihan** terutama kontraktor di bawah lantikan PBT bagi memastikan kerja-kerja yang pembersihan meliputi penghapusan tempat pembiakan aedes.
4. Program **Nyamuk Wolbachia oleh Institute of Medical Research (IMR)** telah dilaksanakan bermula Mac dan Mei 2017 di AU2, Taman Keramat dan Blok D, Seksyen 7, Shah Alam. Program ini di luaskan kepada lokaliti hotspot yang lain di daerah Petaling iaitu di Seksyen 7 Pusat Komerisal, Shah Alam dan Mentari Court, Petaling Jaya.
5. Pelaksanaan **Pendekatan Ekosistem Kawalan dan Pencegahan Denggi**. Pendekatan Ekosistem telah dilaksanakan di beberapa daerah yang mencatatkan kes demam denggi yang tinggi.
6. Menggalakkan **penglibatan semua rumah ibadat Islam dan selain Islam** untuk mengadakan gotong-royong di kawasan masing-masing bagi menjaga dan memastikan premis adalah bebas aedes.

Halangan utama dalam membanteras kes denggi di Selangor adalah sikap masyarakat itu sendiri. Sikap tidak bertanggungjawab masyarakat dalam memainkan peranan membantutkan segala usaha yang telah dilakukan di peringkat negeri. Masyarakat sepatutnya perlu memastikan keadaan rumah ataupun kawasan sekeliling sentiasa bersih dan bebas dari menjadi kawasan pembiakan aedes. Usaha yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat kerjasama dari pihak masyarakat. Permasalahan masih berlaku secara berulang walaupun tindakan telah diambil oleh pihak berkuasa. Lanjutan itu, kempen bersama masyarakat sentiasa digiatkan bagi meningkatkan tahap kesedaran dalam bersama-sama menangani kes demam denggi.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : POTENSI PELANCONGAN DI DAERAH KUALA SELANGOR**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor pelancongan di Daerah Kuala Selangor khususnya di bawah Dun Bukit Melawati dalam tempoh lima tahun ini ?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengambil maklum berkenaan kepentingan dan potensi sektor pelancongan di daerah Kuala Selangor, khususnya di DUN Bukit Melawati yang meliputi kawasan yang sangat luas serta memerlukan perhatian yang khusus.

Di dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan pembangunan sejumlah RM573,089.00 bagi tujuan menaik taraf pelbagai produk pelancongan di DUN Bukit Melawati, khususnya di kawasan pelancongan Bukit Melawati, Taman Kelip-Kelip Kg. Kuantan serta beberapa lokasi pelancongan sejarah di daerah Kuala Selangor dengan kerjasama agensi teknikal dari Majlis Daerah serta Pejabat Daerah dan Tanah, Kuala Selangor.

Selain daripada penyaluran peruntukan bagi menaiktaraf produk pelancongan di daerah Kuala Selangor, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor juga telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk mempromosikan lokasi pelancongan yang terdapat di daerah Kuala Selangor melalui penyertaan di dalam siri promosi pelancongan di dalam dan luar negara, penggunaan media sosial serta penganjuran acara yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Terkini, suatu program yang mendapat pengiktirafan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia serta persijilan dari Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia yang dikenali sebagai *Program Hos Komuniti Selangor 2018* telah dimulakan dengan pengambilan peserta kumpulan pertama untuk diangkat sebagai Pemandu Pelancong Tempatan di daerah Kuala Selangor.

Latihan kemahiran pelancongan ini berlangsung selama enam-(6) bulan dan khusus disediakan untuk pemastautin di kawasan pemanduan yang di tentukan

serta setiap peserta yang diterima masuk adalah berumur di antara 21 tahun sehingga 35 tahun sahaja.

Adalah diharapkan dengan adanya program sedemikian, akan wujudnya minat yang berterusan bagi penduduk tempatan; terutamanya kaum belia di kawasan Kuala Selangor untuk berkecimpung dan membina kerjaya di dalam bidang pelancongan negeri.

Sehubungan dengan itu, bagi tempoh lima (5) tahun yang akan datang, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti beberapa lokasi dan siri aktiviti pelancongan yang baharu dan mampu dijadikan pusat tarikan pelancong tempatan dan antarabangsa.

Antara aktiviti promosi yang bakal diadakan adalah seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Perancangan</b>	<b>Maklumat Terperinci</b>
01	Mangroove Tour @ Kuala Selangor	Perancangan untuk mengadakan pakej atau kawasan tarikan pelancongan melalui penyediaan Pakej Mangroove Tour di sepanjang hilir kawasan pantai di DUN Bukit Melawati. Antara tarikan utama bagi produk ini adalah pengalaman menyertai aktiviti ' <i>eagle feeding</i> '.
	<i>Sky Mirror</i> , Kuala Selangor	Perancangan awal sedang dibuat untuk mengadakan pakej lawatan bagi pelancong tempatan dan antarabangsa. Lokasi ini adalah dianggap sebagai sangat berpotensi untuk dijadikan pusat pelancongan utama memandangkan hanya terdapat dua-(2) kawasan unik yang sedemikian di dunia; termasuk yang berada di Kuala Selangor.
02	Bukit Melawati <i>Heritage Walk</i> (BKHW)	Perancangan awal untuk mengadakan pakej lawatan yang meliputi bahan dan tapak bersejarah di sekitar kawasan Bukit Melawati yang terdapatnya tinggalan sejarah awal kesultanan Negeri Selangor.
03	Pusat Kesenian Daerah Kuala Selangor	Usaha menaiktaraf kawasan <i>Pusat Kesenian Sasaran Kuala Selangor</i> sebagai pusat kesenian bertaraf dunia dan tarikan pelancongan setara dengan penyediaan kelengkapan yang berfasiliti tinggi.
04	Pusat Pemeliharaan Kelip-Kelip Kg Bukit Belimbing	Mengiktiraf <i>Kg Bukit Belimbing</i> sebagai pusat pemeliharaan mergastua kelip-kelip dan sebagai salah satu pusat tarikan pelancongan yang baharu selain dari <i>Pusat Pemeliharaan Kelip-Kelip Kg Kuantan</i> .

<b>Bil</b>	<b>Perancangan</b>	<b>Maklumat Terperinci</b>
05	Pusat Kraf Tembikar	Usaha memajukan industri kraf tembikar dengan usahasama <i>Kraftangan Malaysia</i> untuk produk tempatan. Melalui pendedahan kepada cara pembuatan tradisional sambil mengaplikasikan reka bentuk kreatif yang serba baharu, usaha ini dilihat akan mampu menarik minat pelancong tempatan dan luar negara untuk meneroka pengalaman yang berharga ini untuk melakar produk tembikar tradisional negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PENGOPERASIAN KUARI**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah hasil yang diperolehi Kerajaan Negeri melalui aktiviti-aktiviti kuari di Selangor?
- b) Berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah-masalah infrastruktur misalnya jalanraya akibat daripada pergerakan lori-lori kuari?

**JAWAPAN:**

- a) Hasil Kerajaan Negeri melalui aktiviti-aktiviti kuari di Selangor mengikut tahun adalah seperti di jadual di bawah :

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kutipan Hasil Kerajaan Negeri (Royalti Granit/Kuari)</b>
2014	RM24,661,171.91 Juta
2015	RM48,993,999.04 Juta
2016	RM36,207,211.92 Juta
2017	RM51,948,507.45 Juta
2018	RM31,269,970.69 Juta

*(Dikemaskini Sehingga 31.7.2018)*

- b) Sehingga kini, tiada perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah-masalah infrastruktur akibat daripada pergerakan lori-lori kuari namun, Kerajaan Negeri telah menetapkan bagi setiap kelulusan aktiviti pengkuarian, pengusaha kuari perlu meletakkan deposit-deposit kepada setiap agensi-agensi teknikal berkaitan untuk dijadikan sebagai pegangan dalam mengatasi masalah-masalah infrastruktur akibat aktiviti pengkuarian. Antara agensi-agensi berkaitan adalah:

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan / Agensi</b>	<b>Wang Cagaran</b>	<b>Tindakan</b>
1.	Pejabat Tanah dan Daerah	RM50,000.00	Pentabiran dan Pengurusan Permit Bahan Batuan.
2.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor	RM50,000.00	Pengurusan dan penyelenggaraan jalan-jalan Negeri.
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor	RM20,000.00	Pengurusan dan Penyelenggaraan Sungai dan Rizab Sungai

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : JAMBATAN BESI (BAILEY BRIDGE) PEKAN SEMENYIH**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini cadangan pembinaan jambatan baru menggantikan jambatan besi di Pekan Semenyih?
- b) Kontraktor manakah yang diberi tanggungjawab terhadap projek pembinaan jambatan baru ini dan sebanyak mana peruntukan yang diberikan untuk projek ini?

**JAWAPAN:**

- a) Proses pembinaan bagi projek ini telah bermula pada 29 Disember 2017 dan dijangka siap pada 28 Jun 2019 dengan tempoh kontrak selama 78 minggu dan diselia oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia. Kemajuan fizikal di tapak pada masa ini adalah sebanyak 11 % berbanding jadual iaitu sebanyak 49%. Kelewatan ini disebabkan oleh isu pengalihan utiliti.
- b) Kontraktor yang telah dilantik adalah KEP Contracting Sdn Bhd dengan harga kontrak sebanyak RM7,542,934.56.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Tindakan pihak Jabatan untuk mengatasi masalah kelewatan pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan mesyuarat berkala untuk memantau kemajuan kerja kontraktor.
2. Menyelaraskan kerja kontraktor dengan syarikat Utiliti yang terlibat.

Sekiranya kontrak ini tidak dapat disiapkan dan didapati terdapat kegagalan kontraktor untuk melaksanakan kerja mengikut kontrak surat amaran akan dikeluarkan kepada kontraktor dan denda (LAD) akan dikenakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN KAWASAN LUAR BANDAR DAN DESA**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Adakah Kerajaan Negeri ada autoriti untuk menyelaraskan peruntukan dan projek luar bandar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?
- c) Apakah status terkini projek pendaftaran jalan-jalan negeri yang didaftarkan dengan MARRIS?

**JAWAPAN:**

- b) Peruntukan dan projek luar bandar daripada Kerajaan Negeri diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Manakala, peruntukan dan projek luar bandar daripada Kerajaan Persekutuan diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri. Perbincangan di antara UPEN dan ICU telah dijalankan bagi mengenalpasti kaedah atau mekanisma terbaik bagi penyelarasan peruntukan dan projek luar bandar yang bertindih antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Setakat ini, belum ada keputusan muktamad mengenainya.

- c) JKR Selangor telah berjaya menyiapkan Projek Pencerapan Data-Data Jalan-Jalan Kampung bagi tujuan pendaftaran MARRIS di Negeri Selangor pada Jun 2017. Projek ini telah berjaya melaksanakan cerapan data jalan kampung sejumlah 2,845.33 km dan telah didaftarkan ke dalam sistem MARRIS Online.

Projek Cerapan jalan kampung ini memberikan pulangan tambahan kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM39.38 juta setiap tahun. Pada masa kini pihak Jabatan sedang melaksanakan projek cerapan jalan PBT dengan anggaran panjang jalan sebanyak 2800km dengan anggaran pulangan Tahunan Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM86.80 juta setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : ISU PERLANTIKAN AHLI MAJLIS**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kriteria yang digunapakai untuk melantik Ahli Majlis?
- b) Selain dari Ketua Parti Politik di peringkat bahagian atau cabang, adakah cadangan dikemukakan oleh ADUN akan turut dipertimbangkan?
- c) Berapakah elaun yang diterima setiap bulan oleh Ahli Majlis bagi setiap PBT setiap bulan?

**JAWAPAN:**

- a) Pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan adalah berdasarkan Kriteria Asas dan Kriteria Tambahan.

**Kriteria asas:** adalah merujuk Seksyen 10(2) dan 10(3) Akta 1976 (Akta 171)

Seksyen 10(2), Akta 171

“Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dilantik daripada antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan atau yang telah memperoleh kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan dan perindustrian, ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan kaum-kaum dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu”

Seksyen 10(3), Akta 171

“Tempoh jawatan bagi tiap-tiap seseorang Ahli Majlis tidak boleh lebih dari 3 tahun”.

**Kriteria tambahan** yang telah diluluskan MMKN ke 22/2013 pada 31 Julai 2013 adalah seperti berikut:



Bil.	Kriteria	Perincian
1.	Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Warganegara Malaysia dan fasih berbahasa Melayu;</li> <li>2. Had umur minimum bagi pencalonan Ahli Majlis adalah 21 tahun;</li> <li>3. Hendaklah bermastautin di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan sekurang-kurangnya 5 (lima) tahun atau menetap di daerah bersebelahan;</li> <li>4. Hendaklah bukan dalam kalangan kakitangan kerajaan;</li> <li>5. Ahli Majlis yang dicalonkan untuk dilantik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan akademik minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</li> <li>6. Calon perlu menduduki dan lulus ujian asas yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan.</li> </ol>
2.	Pengalaman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ahli Majlis yang dicalonkan hendaklah mempunyai pengalaman luas dalam Hal Ehwal Kerajaan Tempatan; atau</li> <li>2. Telah memperoleh kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan komuniti dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu.</li> </ol>
3.	Tempoh Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Majlis tidak boleh lebih daripada empat (4) tahun atau dua (2) penggal berturut-turut; dan</li> <li>2. 50% daripada jumlah Ahli Majlis yang sedang berkhidmat lebih daripada empat (4) tahun atau dua (2) penggal berturut-turut di setiap Pihak Berkuasa Tempatan adalah layak untuk dilantik semula.</li> </ol>

<b>Bil.</b>	<b>Kriteria</b>	<b>Perincian</b>
4.	Pembahagian kuota	<p>1. Pembahagian kuota adalah 75% daripada calon parti (PKR, DAP, Amanah dan PPBM) manakala 25% adalah daripada calon NGO;</p> <p>2. Pencalonan nama bagi pengisian kuota NGO hendaklah daripada organisasi yang berdaftar di bawah mana-mana Akta atau Enakmen. Calon NGO tersebut hendaklah seorang yang dicadangkan oleh organisasi berkenaan; dan</p> <p>3. Minimum 30% daripada keseluruhan jumlah Ahli Majlis yang dilantik hendaklah dalam kalangan wanita</p>

- b) Cadangan nama Ahli Majlis adalah ditentukan sepenuhnya oleh parti komponen. Oleh itu, cadangan oleh ADUN perlu dibincangkan dan dipertimbangkan di peringkat parti dan seterusnya diangkat untuk kelulusan Kerajaan Negeri.
- c) Kerajaan Negeri Selangor telah menyeragamkan kadar Elaun Tetap dan Elaun Mesyuarat bagi Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 6/2017 yang telah diadakan pada 15 Februari 2017. Perincian kadar Elaun Tetap Bulanan dan Elaun Mesyuarat Ahli Majlis setiap PBT bagi penggal 2018 hingga 2020 adalah seperti di Jadual 1.

<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Ahli Majlis</b>	
	<b>Elaun Tetap</b>	<b>Elaun Mesyuarat</b>
Majlis Bandaraya	RM2,500.00	RM150.00
Majlis Perbandaran	RM2,500.00	RM100.00
Majlis Daerah	RM2,000.00	RM100.00

**Jadual 1: Kadar Elaun Tetap dan Elaun Mesyuarat Ahli Majlis PBT Negeri Selangor**